

Cari.. **AKAUN RASMI
MEDIA SOSIAL**

Berita RTM



@beritartm



@beritartm

TERKINI

15 pekerja dikhi

Anak 5 tahun: Kenali 5 domain utama kesediaan ke sekolah rendah

 2/07/2026 | 12:04 PM -  120 -  PERSPEKTIF

Gambar hiasan/RTM

SAUDARA PENGARANG

RINGKASAN BERITA AI

Kawalan diri penting: menunggu giliran, mengawal emosi, menukar strategi dan kekal fokus dalam bilik darjah.

Kesediaan bahasa: faham arahan berlapis bahasa untuk berinteraksi dan menyelesaikan masalah sosial.

Kemahiran urus diri dan fizikal: berdikari pada rutin harian, motor halus untuk menulis, stamina untuk duduk dan fokus.

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya. 

Peranan ibu bapa dan intervensi awal: banyak berbual, permainan berstruktur, latihan urus diri serta saringan perkembangan awal.



Ramai ibu bapa di Malaysia kini berada dalam dilemma. Anak mereka bakal menyambut ulang tahun kelima dan secara automatik, bayang-bayang beg sekolah yang berat, pakaian seragam putih, dan silabus Tahun Satu yang mencabar mula menghantui fikiran.

Kebimbangan ini selalunya tidak datang sendirian; ia dipicu oleh 'perlumbaan' di media sosial atau perbandingan di kedai kopi apabila melihat anak orang lain sudah mampu membaca ensiklopedia, manakala anak sendiri masih bergelut memegang pensel dengan betul.

Persoalan besar yang perlu dijawab bukan sekadar "Adakah anak saya cukup bijak?", tetapi "Adakah anak saya cukup sedia?"

Dalam sains perkembangan kanak-kanak, kesediaan ke sekolah (school readiness) bukan hanya tentang skor ujian atau kebolehan mengeja, tetapi gabungan lima domain utama iaitu kesediaan bahasa, mengawal emosi, berfikir, mengurus diri, dan berinteraksi dengan orang lain.

DISYORKAN

Graduan era AI: Apabila kemudahan menguji kualiti pemikiran

Beban krisis kesihatan mental dalam bilik darjah dan kuliah

Jangan biarkan tragedi menambah stigma

Menilai kemiskinan bukan hanya melalui nilai ringgit semata

Namun, domain-domain ini tidak berkembang secara berasingan tetapi disatukan oleh satu keupayaan teras yang sering tidak disedari oleh ibu bapa, iaitu kebolehan anak untuk mengawal diri, menyesuaikan tingkah laku, dan belajar daripada pengalaman harian.

Inilah yang membezakan anak yang kelihatan "pandai" daripada anak yang benar-benar bersedia untuk melangkah ke

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

1. Kesediaan Bahasa: Lebih daripada sekadar petah berkata-kata

Kesediaan bahasa bukan sekadar petah bercakap, tetapi keupayaan menggunakan bahasa untuk memahami arahan, meluahkan emosi, dan menyelesaikan masalah sosial secara berkesan.

Kemampuan bahasa boleh diukur melalui dua cabang utama: bahasa reseptif (penerimaan) dan bahasa ekspresif (penyampaian).

Seorang murid Tahun Satu perlu mampu mengikuti arahan berlapis tanpa perlu diulang berkali-kali. Contohnya, "Buka buku aktiviti, cari muka surat sepuluh, dan bulatkan gambar kucing."

Jika anak masih sukar memproses arahan dua atau tiga langkah, mereka mungkin akan ketinggalan dalam suasana kelas yang sesak.

Selain itu, keupayaan bercerita secara naratif iaitu menceritakan semula apa yang berlaku mengikut urutan kronologi menunjukkan bahawa otak mereka sudah mampu menyusun logik.

Tanpa asas komunikasi yang kukuh, anak-anak cenderung menjadi pasif, merasa terasing, atau lebih membimbangkan, mereka mula tawar hati terhadap sesi pembelajaran kerana tidak faham apa yang sedang berlaku.

2. 'Self-Regulation': Enjin tersembunyi pembelajaran

Pakar kanak-kanak kini bersetuju bahawa kawalan diri (self-regulation) sebenarnya lebih penting daripada skor IQ untuk menentukan kejayaan anak di sekolah. Ia merangkumi keupayaan anak untuk menunggu giliran, menahan dorongan emosi, menukar strategi apabila sesuatu tidak menjadi, dan kekal fokus walaupun berdepan kekecewaan.

Tanpa keupayaan ini, anak yang cerdas sekali pun akan bergelut dalam suasana bilik darjah sebenar.

Bayangkan suasana di sekolah rendah. Anak perlu menunggu giliran untuk bercakap, perlu duduk diam di atas kerusi selama sekurang-kurangnya 30 minit, dan perlu mengawal kecewa apabila kalah dalam permainan.

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

Anak yang bijak akademik tetapi mempunyai kawalan diri yang rendah sekali mengalami masalah tingkah laku. Membantu anak berusia lima tahun

untuk bertenang secara mandiri adalah pelaburan yang jauh lebih berharga daripada memaksanya menghafal sifir sebelum waktunya.



3. Kemahiran Kognitif: Memahami konsep, bukan menghafal fakta

Sering kali, ibu bapa keliru antara 'pencapaian' dengan 'kefahaman'. Seorang anak mungkin boleh mengira dari 1 hingga 100 secara hafalan, tetapi adakah mereka benar-benar faham konsep nilai nombor tersebut? Kesediaan kognitif melibatkan pemikiran logik dan keupayaan penyelesaian masalah asas.

Pada usia lima tahun, anak sepatutnya mula memahami konsep ruang (atas, bawah, dalam, luar), perbandingan (lebih banyak, lebih sedikit), dan pengelasan mengikut kategori warna atau bentuk.

Minat untuk bertanya "Kenapa?" dan "Bagaimana?" adalah petanda positif bahawa fungsi kognitif mereka sedang berkembang pesat. Di sekolah rendah nanti, mereka tidak lagi sekadar disuap dengan jawapan, sebaliknya diminta untuk berfikir secara kritis.

4. Kemahiran Fizikal dan Urus Diri: Asas berdikari yang kritikal

Ini adalah aspek yang paling kerap dipandang remeh dalam sistem pendidikan kita yang masih banyak menekankan pencapaian berasaskan peperiksaan. Keupayaan fizikal dan urus diri boleh mempengaruhi stamina pembelajaran.

Anak yang cepat letih, tidak selesa duduk lama, atau terlalu bergantung kepada bantuan orang dewasa akan lebih sukar memberi tumpuan dalam kelas. Di sekolah rendah, tidak ada lagi pembantu guru atau pengasuh yang akan membantu mengikat tali kasut, membuka bekas makanan yang ketat, atau memastikan anak mengelap tangan dengan bersih selepas ke tandas.

Kemahiran motor halus, iaitu kekuatan otot kecil di jari dan tangan, amat penting untuk penulisan. Jika otot jari lemah, anak akan cepat letih dan hilang minat untuk menulis.

Selain itu, kemahiran urus diri memberikan kepada anak. Anak yang tahu dia mampu melangkah ke pagar sekolah dengan kepala yang tegak, bukannya dengan tangisan ketakutan.

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

5. Sosialisasi: Belajar hidup dalam komuniti besar



Sekolah adalah miniatur masyarakat. Di sana, anak perlu belajar untuk berkongsi ruang, peralatan, dan perhatian guru dengan ramai rakan sebaya. Kemahiran sosial pada usia lima tahun melibatkan pembangunan empati, iaitu keupayaan anak untuk memahami bahawa orang lain juga mempunyai perasaan.

Kebolehan untuk berunding dan menyelesaikan konflik kecil tanpa kekerasan adalah tanda kematangan sosial yang sangat diperlukan untuk mengelakkan isu keengganan ke sekolah (school refusal) pada masa hadapan.

Peranan Ibu Bapa: Merapatkan jurang kesediaan

Jika anak anda belum menunjukkan semua tanda kesediaan sepenuhnya, jangan panik. Usia lima hingga enam tahun merupakan fasa perkembangan yang sangat kritikal kerana otak kanak-kanak pada waktu ini masih bersifat mudah lentur, fleksibel, dan sangat responsif terhadap rangsangan harian.

Dalam tempoh inilah peranan ibu bapa menjadi paling penting sebagai pemudah cara perkembangan melalui tiga strategi utama:

I. Banyak Berbual

Asas bahasa, emosi dan pemikiran perbualan harian merupakan intervensi paling berkesan. Kajian menunjukkan kanak-kanak yang kerap terlibat dalam perbualan bermakna mempunyai kosa kata yang lebih baik. Menggantikan sebahagian masa skrin (gadget) dengan perbualan dua hala memberi kesan besar.

Gunakan soalan terbuka yang mengajak anak berfikir:

“Apa yang adik rasa bila kawan ambil mainan adik?”

“Kenapa adik pilih buat macam tu?”

“Kalau s

lain kali

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

II. Permainan Berstruktur

Permainan berstruktur tidak semestinya memerlukan peralatan yang mahal. Permainan papan mudah seperti Dam Ular (Snakes and Ladders), atau permainan tradisional seperti Batu Seremban dan Congkak, sebenarnya mengajar kemahiran yang sangat kritikal iaitu menunggu giliran, mematuhi peraturan, serta belajar menerima kemenangan atau kekalahan dengan hati terbuka.

Peranan anda bukan untuk “membetulkan” anak setiap kali mereka kecewa, sebaliknya membimbing reaksi emosi mereka dengan kata-kata semangat:

“Tak apa kalau kalah kali ini, kita cuba lagi.
Jom tarik nafas dulu.”

III. Latihan Urus Diri

Latihan urus diri boleh bermula dengan tanggungjawab kecil di rumah seperti menyusun kasut sendiri, membawa pinggan ke sinki selepas makan, atau menyimpan mainan. Aktiviti ini membina rasa keupayaan diri dan kefahaman tentang rutin.

Biarkan anak mencuba walaupun hasilnya tidak sempurna untuk mengukuhkan kemahiran mereka merancang dan menyelesaikan tugas harian.

Perspektif Kesihatan dan Kepentingan Intervensi Awal

Dari perspektif kesihatan kanak-kanak, saringan perkembangan asas merupakan satu alat pencegahan yang kritikal kerana ia menilai bukan sahaja apa yang anak tahu, tetapi bagaimana mereka berfungsi dalam kehidupan seharian.

Dalam amalan klinikal, perkembangan anak dilihat secara menyeluruh iaitu melibatkan kebolehan berfikir dan memahami, keupayaan berkomunikasi dan berinteraksi secara sosial, serta tahap kebolehan mengurus diri dan menyesuaikan tingkah laku mengikut situasi.

Ibu bapa dan pengamal perubatan perlu p
awal yang berterusan, khususnya apabila
aspek ini mula menjejaskan rutin harian anak.

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

Contohnya, jika pada usia lima tahun seorang anak masih belum mampu bertutur dalam ayat mudah, sukar memahami arahan asas, kurang menunjukkan minat sosial, atau terlalu bergantung kepada bantuan orang dewasa untuk urus diri mengikut usia, rujukan awal kepada pakar pediatrik adalah langkah yang bijak dan bertanggungjawab.

Penilaian awal ini bukan bertujuan melabel atau menghukum anak, tetapi untuk memahami corak perkembangan mereka sejak awal usia, serta mengenal pasti sama ada sokongan tambahan diperlukan bagi membantu anak menyesuaikan diri dengan tuntutan pembelajaran dan kehidupan sosial di sekolah.

Menunggu sehingga masalah menjadi nyata di Tahun Satu selalunya menyebabkan anak lebih bergelut, bukan kerana mereka kurang kebolehan, tetapi kerana bantuan diberikan terlalu lewat.

Sebaliknya, intervensi awal ketika otak kanak-kanak masih berada dalam fasa mudah lentur dan responsif terhadap rangsangan harian terbukti jauh lebih berkesan.

Ibarat menyediakan asas yang kukuh sebelum membina rumah, sokongan awal ini membantu anak membina keupayaan berfikir, berinteraksi, dan berdikari secara berperingkat, sekali gus membolehkan mereka melangkah ke alam persekolahan dengan lebih yakin dan tenang.

Akhirnya, kesediaan ke sekolah rendah bukan tentang memaksa anak “mengejar silibus”, tetapi tentang menyediakan asas perkembangan yang kukuh. Ia bukan soal siapa yang paling cepat sampai ke garisan penamat, tetapi siapa yang paling stabil melangkah masuk.

Dengan sokongan yang sewajarnya dan tepat pada masanya, setiap anak berpeluang berkembang mengikut acuan unik mereka sendiri.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.



Dr Azril Shahreez Abdul Ghani
Pensyarah Pendidikan Perubatan
Kulliyyah Perubatan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
E-mel: azrilshahreez@iium.edu.my



Dr Muhd Alwi Muhd Helmi
Pensyarah/Pakar Pediatrik
Kulliyyah Perubatan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



**CPR dan AED pastikan kita bersukan
dengan yakin dan selamat**

**Menyingkap dimensi spiritual
seni bela diri Melayu**

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

ARTIKEL TAJAAN




Kolaborasi Strategik Perkukuh Pasaran Halal Ajinomoto (Malaysia) Berhad di Asia Barat

PALING POPULAR


Jet peribadi terhempas, timbalan menteri dan empat maut

GLOBAL



Iran berjaya bedil USS Abraham Lincoln

GLOBAL



KATA KUNCI

pendidikan

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.

BERITA TERKINI



15 pekerja dikhuatiri terperangkap dalam...

22 Julai 2026 3:51 am

 MS



Ribut Tropika Bertha & hujan lebat, risiko banjir ...

22 Julai 2026 3:29 am



China gesa Filipina hentikan pencerobohan...

22 Julai 2026 2:53 am



Perhimpunan Bulanan IPK KL waktu malam...

22 Julai 2026 2:20 am



22 tahun hilang, wanita Malaysia ditemui di Flore...

22 Julai 2026 1:30 am



PRN NS: PM turun berkempen di empat...

21 Julai 2026 11:45 pm



IRGC sasar kompleks tentera AS di Jordan,...

21 Julai 2026 11:21 pm



Projek Sabah Southern MADANI Link perkukuh...

21 Julai 2026 11:10 pm

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.



Penyatuan industri veterinar perkukuh sekuri...

21 Julai 2026 10:54 pm

 MS



Ebola: 2,423 kes disahkan di Congo

21 Julai 2026 10:51 pm

MESTI BACA



Trump dijangka dikenakan tarif baharu terhadap...

21 Julai 2026 10:48 pm



Sumbangan RM2 juta untuk Institut Pemikiran...

21 Julai 2026 9:54 pm




Ketua balai wajib tahan seorang penagih setiap...

21 Julai 2026 2:01 pm



MCMC siasat dakwaan kebocoran data peribadi...

21 Julai 2026 12:59 pm



Waris bayi ditinggalkan di 'baby hatch' di Bukit...

21 Julai 2026 10:53 am

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.



Berita Ehwat Semasa

Berita RTM, Wisma Berita,
Angkasapuri Kota Media,
50614 Kuala Lumpur



☎ : +60322823119

✉ : portalberita@rtm.gov.my

✉ : Aduan & Maklum balas

Hak Cipta Terpelihara @ 2026 Radio Televisyen Malaysia, Berita Ehwat Semasa (BES)

Hak Cipta | Penafian | Polisi Keselamatan

Pihak Portal Berita RTM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat dalam laman ini.

Helo! Tanyakan apa sahaja kepada saya.